

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(9)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 9 TAHUN 2017**

Tarikh : 27 September 2017 (Rabu)
Masa : 09.30 pagi hingga 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 9/2017 dan seterusnya memaklumkan mengenai beberapa perkara seperti yang berikut:

**2.1 PROGRAM FOOD TRUCK @ KOMPLEKS 3K MPSJ SS13
SUBANG JAYA**

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan Aktiviti *Food Truck* dan *Car Boot Sale* bertempat di parkir Kompleks 3K MPSJ SS13, Subang Jaya.

Tujuan aktiviti *Food Truck* dan *Car Boot Sale* ini diadakan adalah bagi menawarkan pelbagai jenis makanan dan minuman kepada penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ khususnya Subang Jaya. Pada masa yang sama terdapat juga peniaga-peniaga *Car Boot Sale* yang menjual barangan terpakai dan baru dengan harga yang berpatutan. Aktiviti seperti ini mampu menjana pendapatan tambahan kepada peniaga dan pengunjung pula boleh mendapatkan barang yang mereka inginkan dengan harga yang terbaik.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **Bermula 9 September 2017**
Masa : **Jumaat (6.00 petang - 12.00 malam)**
Sabtu (3.00 petang - 12.00 malam)
Ahad (3.00 petang - 10.00 malam)
Tempat : **Kawasan Parkir Kompleks 3K MPSJ,
SS13, Subang Jaya**

Aktiviti seperti ini merupakan julung kali diadakan di kawasan pentadbiran MPSJ. Sehubungan itu, masyarakat setempat dijemput hadir ke program ini untuk menikmati pelbagai aktiviti menarik yang diadakan seperti persembahan muzik jalanan (*busker*).

Pihak Majlis juga menawarkan kepada sesiapa yang berminat untuk menjalankan perniagaan di program untuk menghubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSJ bagi tujuan pendaftaran dan urusan lain yang berkaitan.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.2 MAJLIS PELANCARAN SISTEM BBU BERPUSAT 'CENTRALISED BBU SYSTEM (CBS)'

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Majlis Pelancaran Sistem BBU Berpusat '*Centralised BBU System (CBS)*' seperti maklumat berikut:

Tarikh : 28hb. September 2017 (Khamis)
Masa : 10.30 pagi
Tempat : Padang Permainan SS18/6, Subang Jaya

MPSJ dan pihak kerajaan negeri Selangor dengan kerjasama Syarikat Platinum Core Solution (PCS) telah memperkenalkan satu teknologi baru yang dikenali sebagai Sistem BBU Berpusat (CBS) untuk mempertingkatkan kemudahan internet yang lebih baik dan stabil di kawasan pentadbiran MPSJ. Sistem ini juga dicipta khas bagi tujuan penambahbaikan rangkaian *mobile operator* dan beberapa ciri-ciri tambahan untuk manfaat bersama pihak Majlis, pihak Kerajaan Negeri dan masyarakat setempat. Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke majlis pelancaran tersebut.

2.3 KEJOHANAN BADMINTON DAN PING PONG SEMPENA PEMBUKAAN DEWAN PUCHONG UTAMA 7 DAN SAMBUTAN ULANGTAHUN MPSJ KE-20

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Kejohanan Badminton dan Ping Pong Sempena Pembukaan Dewan Puchong Utama 7 dan Sambutan Ulangtahun MPSJ ke 20 seperti maklumat berikut:

Tarikh : 21hb. Oktober 2017 (Sabtu)
Masa : 9.00 pagi hingga 9.00 malam
Tempat : Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong
Utama 7, Puchong, Selangor

Penganjuran kejohanan adalah sempena merasmikan Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Utama 7 dan sambutan ulangtahun MPSJ ke-20. Kejohanan ini juga bertujuan untuk memperkenalkan pusat kemudahan sukan dan riadah kepada penduduk khususnya golongan belia dan remaja bagi tujuan penggunaan aktiviti sukan dan riadah. Selain itu kejohanan ini juga untuk menggalakkan kegiatan yang sihat dan memberi peluang di kalangan belia melibatkan diri dalam kegiatan bersukan khususnya sukan badminton dan ping pong. Kejohanan ini terbuka kepada semua JKP dan PeBT MPSJ sahaja. Yuran penyertaan yang dikenakan adalah seperti berikut - RM 50.00 sepasukan (badminton) dan RM 20.00 satu beregu (ping pong). Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan kejohanan ini.

2.4 PROGRAM PEMBANGUNAN KLINIK BOLASEPAK MPSJ BERSAMA BEKAS-BEKAS PEMAIN NEGERI SELANGOR

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Program Pembangunan Klinik Bolasepak MPSJ Bersama Bekas-Bekas Pemain Negeri Selangor. Tujuan program pembangunan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal dan latihan yang bersistematik kepada kanak-kanak dan remaja yang meminati sukan bolasepak untuk digilap ke peringkat yang lebih tinggi.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : Setiap Hari Ahad (Bermula Oktober 2017)
Masa : 8.30 pagi hingga 10.00 pagi
Tempat : Arena MPSJ, USJ 5, Subang Jaya

Program ini mensasarkan golongan kanak-kanak dan remaja di bawah kategori umur bawah 7 tahun, bawah 10 tahun, bawah 12 tahun dan bawah 16 tahun. Jurulatih adalah Encik Fairuz Montana Zainal Abidin dan Encik Fadhil Hashim. Kedua-duanya merupakan bekas pemain bolasepak negeri Selangor dan memilik lesen kejurulatihan yang diiktiraf oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM). Bayaran yuran penyertaan yang dikenakan adalah seperti berikut:

- Yuran Pendaftaran RM 180.00 (Sekali Sahaja)
- Yuran Bulanan RM 80.00 sebulan.
- Yuran Bulanan kepada anak Ahli Majlis dan anak warga kerja MPSJ adalah RM 40.00 sebulan (potongan 50%).

Segala urusan penerimaan yuran adalah di bawah tindakan Kelab Bola Sepak Darul Ehsan.

2.5 PROGRAM SIHAT SENAMROBIK DI ARENA MPSJ DAN DEWAN SERBAGUNA MPSJ, PUCHONG UTAMA 7 SEMPENA ULANGTAHUN MPSJ KE-20

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Sihat Senamrobik Di Arena MPSJ dan Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Utama Sempena Sambutan Ulangtahun MPSJ Ke 20** seperti maklumat berikut:

Tarikh : Setiap Hari Ahad (bermula Oktober 2017)
Masa : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi
Tempat : Arena MPSJ (bermula 1 Oktober 2017) & Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Utama 7, Puchong (bermula 21 Oktober 2017)

Objektif program ini diadakan adalah bagi mewujudkan pelbagai aktiviti yang bermanfaat kepada masyarakat setempat seperti

aktiviti senamrobik. Disamping melakukan aktiviti riadah dan sukan masyarakat dapat bertemu dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama mereka.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

2.6 PROGRAM KAYUHAN HIDUP SIHAT MPSJ 2017

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ 2017 (Siri ke 2)**. Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh pihak Majlis untuk menerapkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat dalam bandar sekaligus meningkatkan lagi imej MPSJ selaku pentadbir perbandaran yang mesra komuniti dan mesra alam sekitar. Program kali ini juga akan dianjurkan secara kolaboratif dengan *KPMC Puchong* dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) sebagai salah satu Program Tanggungjawab Sosial (CSR) bersama MPSJ. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **7 Oktober 2017 (Sabtu)**
Masa : **7.30 pagi – 11.00 pagi**
Tempat : **Perpustakaan Hipermedia MPSJ,
Pejabat Cawangan Puchong,
Persiaran Puteri 1, Puchong**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.7 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga **minggu epid ke 38** tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan sejumlah **4,373** kes demam denggi. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 41% jika dibandingkan dengan bilangan kes pada minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 7,434 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ke 38 adalah berjumlah **5** iaitu mengikut pecahan zon seperti berikut;

| BIL | ZON | BILANGAN LOKALITI HOTSPOT |
|---------------|----------------|------------------------------|
| 1. | Subang Jaya | 2 |
| 2. | Seri Serdang | 1 |
| 3. | Seri Kembangan | 2 |
| 4. | Kinrara | 0 |
| JUMLAH | | 5 |

2.8 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM

Sehingga bulan **Ogos 2017** sebanyak **76** Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan **5 sitaan** kenderaan telah dilakukan. Sebanyak **36 NTK** dikeluarkan di bawah **Seksyen 4** (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), **25 NTK** di bawah **Seksyen 6** (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan **15 NTK** di bawah **Seksyen 12** (Kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007**.

2.9 MAJLIS PELANCARAN TAPAK RINTIS PREMIS MAKANAN HIJAU DAN SISTEM PENCERNAAN ANAEROBIK (AD), MEDAN SELERA USJ 7, SUBANG JAYA

Pada 26 September 2017, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan SIRIM Berhad dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah menganjurkan **Majlis Pelancaran Tapak Rintis Premis Makanan Hijau Dan Sistem Pencernaan Anaerobik (AD), Medan Selera USJ 7, Subang Jaya.**

SIRIM Berhad telah memberi kepakaran teknologi dan berkerjasama dengan KeTTHA dan MPSJ dengan memberi pendedahan berkaitan pembungkus *Green Blue* (GB) kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di kawasan Medan Selera USJ 7, Subang Jaya.

Medan Selera USJ 7, Subang Jaya merupakan tapak rintis premis makanan hijau ketiga yang telah dilancarkan oleh SIRIM dengan kerjasama KeTTHA. Projek ini juga merupakan satu daripada usaha MPSJ untuk membentuk Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030 di samping memperkenalkan inisiatif hijau kepada masyarakat Subang Jaya melalui dasar *Blue Ocean Strategy* (CBOS).

Projek Premis Makanan Hijau dan Projek Sistem Pencernaan Anaerobik di Medan Selera USJ 7 ini adalah kesinambungan kepada projek pengasingan sisa makanan yang telah pun dimulakan oleh pihak Majlis sejak tahun 2009. Loji sistem pencernaan anaerobic di USJ 7 merupakan kemudahan biomass yang ketiga dibina di kawasan pentadbiran MPSJ setelah pembinaan pertama di Pasar Awam Seri Serdang dan kedua di Bandar Bukit Puchong.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL.8/2017

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 22 Ogos 2017 (Rabu) disahkan tanpa pindaan

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.8/2017 bertarikh 5 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.17/2017 bertarikh 6 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|-----------------------|--------------------|--|---|
| 1. | Para 6.8 & m/surat 61 | Encik Yap Kok Weng | Permohonan Kebenaran Merancang Perubahan Material Kegunaan Bangunan daripada Kedai Pejabat kepada Pusat Latihan di Alamat No. 25B dan 25C, Jalan Kenari 1, Bandar Puchong Jaya, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. (Permohonan Baru Kebenaran Merancang) | Beliau mencadangkan agar pihak Majlis meneliti dan membuat pertimbangan sewajarnya terhadap permohonan tersebut. Ini kerana akan menimbulkan masalah lalulintas dan masalah parkir di kawasan tersebut. Seterusnya beliau juga mencadangkan supaya lawatan tapak dijalankan dan memohon pihak jabatan untuk memberikan pandangan yang sewajarnya kepada Ahli Jawatankuasa. <u>Maklum balas</u> Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>Majlis mengambil maklum di atas cadangan tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancang Bandar</p> |

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.18/2017 bertarikh 20 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|-------------------------|-----------------------|---|--|
| 1. | Para 11.6 & m/surat 174 | Encik Chang Kim Loong | Ahli Majlis, TPr. Jaber bin Ami membangkitkan mengenai peristiwa kebakaran pusat tahfiz yang berlaku baru-baru ini. Beliau menyarankan agar semua sekolah tahfiz di | Beliau memohon untuk mendapatkan laporan penuh mengenai semakan semua sekolah di bawah pentadbiran MPSJ. Terutamanya daripada aspek keselamatan, ini kerana ini adalah tanggungjawab |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|---------------------|--------------------------|--|---|
| | | | <p>dalam kawasan pentadbiran MPSJ dibantu dalam aspek keselamatan bangunan dengan kerjasama pihak Bomba.</p> <p>Jabatan Bangunan perlu menyediakan inventori semua sekolah tahfiz yang terdapat di kawasan pentadbiran MPSJ samada mempunyai kelulusan pelan bangunan atau sebaliknya.</p> | <p>MPSJ.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Majlis akan menjalankan pemeriksaan disetiap sekolah yang bukan bantuan Kerajaan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Bangunan</p> |
| 2. | Para 11.8 & m/surat | Encik Edwin Lim Hock Lee | Ahli Majlis, Ecik Pooi Weng Keong telah membangkitkan mengenai bantahan penduduk terhadap permohonan KM | Beliau memohon penjelasan mengenai status tindakan yang diambil terhadap isu ini. <p><u>Maklum balas</u></p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---|---|
| | | | <p>perubahan material kegunaan bangunan daripada kediaman kepada tadika di alam No. 29, Jalan USJ 20/7, Subang Jaya, Mukim Damansara untuk Tadika Pintar Warisan Muda yang telah diluluskan didalam Mesyuarat OSC MPSJ Bil.16/2017 bertarikh 16 Ogos 2017 yang lalu. Beliau memaklumkan terdapat sebanyak 21 bantahan yang terdiri daripada pemilik rumah sepanjang jalan USJ 20/7, Jalan 20/8 dan Jalan 20/8A. Walau</p> | <p>Setelah meneliti dan berbincang permohonan ini akan dibawa semula ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC pada bulan Oktober 2017 untuk dibincangkan semula berkenaan kelulusan kebenaran merancang yang telah diberikan pada 16 Ogos 2017.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancang Bandar</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---|------------------|
| | | | bagaimanapun beliau menyatakan bahawa semua bantahan tersebut tidak diambilkira semasa permohonan dibentangkan di dalam Mesyuarat OSC untuk pertimbangan. | |

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.7/2017 bertarikh 11 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2017 bertarikh 11 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2017 bertarikh 13 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|----------------------|--------------------|---|--|
| 1. | Para 2.2 & m/surat 6 | Encik Yap Kok Weng | Laporan Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Jalan dan Longkang di Semua Jajaran Projek Transit (LRT) laluan Kelana Jaya dan Laluan Ampang oleh Prasarana Malaysia Berhad | Beliau mencadangkan supaya mengadakan satu lawatan tapak bersama pihak Prasarana Malaysia Berhad dan juga penduduk setempat bagi melihat semula infrastruktur yang rosak dan bermasalah. Pemerhatian beliau mendapati tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak Prasarana Malaysia Berhad dalam menyelesaikan isu-isu yang telah dibangkitkan. |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|-----------------------|-----------------------|--|---|
| | | | | <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mengambil tindakan dalam menyelesaikan isu ini bersama pihak Prasarana Malaysia Berhad.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p> |
| 2. | Para 7.2 & m/surat 16 | Encik Chang Kim Loong | Mesyuarat Jawatankuasa Projek Terbengkalai dan Bangunan Bermasalah Bil.3/2017 bertarikh 5 September 2017 | <p>Beliau mencadangkan agar isu rumah terbiar serta tidak diselenggara dimasukkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar akan datag.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|-------------------------|----------------------|---|--|
| | | | | <p>isu ini dimasukkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar yang akan datang.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Bangunan</p> |
| 3. | Para 8.2.5 & m/surat 19 | Encik Tai Cheng Heng | Memohon buka/runtuhkan pondok telefon awam kosong serta bersihkan tapak konkritnya di kawasan komersil SS15, SS14 dan SS19/6. | <p>Beliau memohon tindakan pembersihan bagi semua kawasan pentadbiran Majlis.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Majlis mengambil maklum dan tindakan akan diambil.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p> |

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2017 bertarikh 15 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2017 bertarikh 18 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2017 bertarikh 18 September 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|---------------------|---------------------------|--|--|
| 1. | Para 5.15 & m/surat | Encik Rosharizan bin Mohd | Permohonan Penyewaan Bagi Tanah Simpanan | Beliau memohon penjelasan mengenai perkara |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|----------------|-------------|--|---|
| | 20 | Rozlan | Talian Elektrik (Bawah Rentis TNB) di Jalan BS 3/1, Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan untuk Tujuan Tempat Letak Kenderaan oleh Syarikat Interlink Square Sdn. Bhd. | <p>ini, kerana seperti yang beliau maklum bahawa tidak membenarkan sebarang aktiviti dijalankan di bawah Rentis TNB.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kelulusan TOL telah diperolehi daripada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling untuk tapak tersebut digunakan bagi tujuan tempat letak kereta.</p> <p>Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p> |

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

6.1 Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan MPSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan laporan tersebut.

6.2 Penyediaan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 -Penemuan Program Publisiti Awal

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan laporan tersebut.

7.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Oktober 2017** akan diadakan pada **25 Oktober 2017(Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 28 September 2017

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(NIK ZALINA BINTI MEGAT MUDA),
Timbalan Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. Timbalan Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 3. | TPr. Hj. Jaber bin Ami, P.J.K. | - | " |
| 4. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 5. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 6. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 7. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 8. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 9. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A. | - | " |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 15. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 16. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 17. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 18. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 19. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 21. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 22. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 23. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 24. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | Ahli Majlis |
|----|-----------------------------|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohamad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Kewangan
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
7. Puan Hjh. Anita binti Abd. Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

19. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersiha Awam
22. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
23. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
26. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
27. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
28. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
29. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan
30. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
31. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

32. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
34. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
35. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Perancang Bandar
38. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
39. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzli
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
40. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
41. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
42. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
43. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
44. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

45. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
46. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
47. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
48. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
49. Dr. Nurnawwar binti Arpaaii
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
50. Puan Mazlina binti Mautafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
51. Encik Razmi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
52. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
53. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
55. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
56. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
57. Puan Siti Mahirah binti Sidik

Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

58. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Puan Nurul Saadah binti A. Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Cik Roshaira binti Rosly
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Encikm Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Encik Muhamad Farid bin Abdul Ghani
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
63. Puan Salwa binti Ab. Rahman
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Norawalia binti Shafiai
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan